

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld 3 (71)

26 September 2024
22 Rabi'ul Awal 1446

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 28/2024

PENUBUHAN PUSAT SEHENTI - UTM CAMPUS CONNECT HUB (UTM CCH)

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil.13/2023 telah bersetuju menubuhkan pusat sehenti - UTM Campus Connect Hub (UTM CCH) dan diletakkan di bawah Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO), Jabatan Pendaftar. UTM CCH pada masa ini beroperasi di Bangunan F54.

2. Tujuan penubuhan unit ini adalah untuk menyediakan pusat sehenti di UTM Johor Bahru bagi perkhidmatan-perkhidmatan utama Universiti khususnya kepada pelajar sebagai langkah untuk menambah baik proses penyampaian perkhidmatan berdasarkan pengurusan kreatif dan keajaiban.

3. Perkhidmatan yang disediakan di UTM CCH adalah bersifat umum berkaitan urusan akademik dan pelajar dan akan dilaksanakan secara berfasa. Berikut merupakan perkhidmatan yang disediakan pada fasa 1:

- 3.1 Perkhidmatan kad matrik (staf dan pelajar) serta Kad Prihatin Siswa.
- 3.2 Pengurusan Akademik Pelajar.

4. Pada fasa seterusnya, perkhidmatan UTM CCH akan dikembangkan kepada perkhidmatan kewangan pelajar, visa pelajar, residensi dan beberapa perkhidmatan lain secara berperingkat. UTM CCH juga merupakan urusetia berkaitan pengurusan maklum balas pelanggan dan telefoni.

5. Lokasi dan alamat surat-menyurat UTM CCH adalah seperti berikut:-

UTM Campus Connect Hub
(Bangunan F54)
Bahagian Pengurusan Organisasi
Jabatan Pendaftar
UTM Johor Bahru, Johor.
No. Tel: 07-5333333
E-mel: campusconnect@utm.my

6. Sehubungan dengan itu, semua warga UTM dimohon mengambil maklum berkaitan penubuhan pusat sehenti - UTM CCH ini dan segala urusan yang berkaitan hendaklah dimajukan kepada UTM CCH berkuat kuasa dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pro-Naib Canselor, Kampus UTM Kuala Lumpur
 - Pengarah, UTM Kampus Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan / Dekan / Pengarah

STRUKTUR PENGURUSAN PERHUBUNGAN PELANGGAN

